

14 SEP 1999

NAZRI-KEWANGAN

KERANGKA KEWANGAN ANTARABANGSA PERLU LIBATKAN NEGARA YANG TERJEJAS

KUALA TERENGGANU, 14 Sept (Bernama) -- Malaysia mahu supaya negara-negara yang terjejas teruk akibat serangan mata wang turut terlibat dalam rundingan untuk mereformasikan kerangka kewangan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Nazri Tan Sri Aziz berkata ini kerana hanya negara-negara yang merasai akan dapat memberi pandangan yang tepat mengenai apa yang perlu dilakukan untuk mengelak perkara ini daripada berlaku pada masa-masa akan datang.

"Jadi sebab itu kita nak supaya kita juga terlibat agar apa yang akan keluar nanti adalah satu kerangka kewangan antarabangsa yang diterima oleh semua negara dan tidak apa yang dilihat perlu oleh Kumpulan Tujuh Negara Perindustrian (G7) sahaja," katanya kepada pemberita selepas melawat Bank Simpanan Nasional di sini, hari ini.

Beliau berkata tindakan mengenai perkara itu perlu diambil secepat mungkin bagi membantu negara-negara terlibat memulihkan ekonomi mereka.

Nazri berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan memasukkan cadangan Malaysia mengenai reformasi kerangka antarabangsa yang diperjuangkan sejak dua tahun lepas dimasukkan ke dalam Deklarasi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Auckland, New Zealand.

Ketua-ketua kerajaan APEC yang bersidang di ibu negara New Zealand itu berpendapat sudah tiba masanya serangan yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi perhatian bagi mengelakkan berlaku lagi serangan matawang oleh dana-dana lindungan yang tidak dikawal.

Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton sendiri mengakui adalah satu kesilapan untuk menyatakan bahawa keadaan kini sudah pulih dan kerangka kewangan tidak perlu diadakan lagi.

Nazri berkata Malaysia tidak pernah berganjak daripada pendirian bahawa sesuatu perlu dilakukan bagi mengelak perkara itu (serangan mata wang) daripada berlaku semula.

"Malaysia sudah bersedia untuk mengemukakan pandangan-pandangannya jika diterima menganggotai perbincangan itu...kita ada tiga empat cadangan yang tidak dapat saya jelaskan di sini," katanya.

Beliau berkata Malaysia mahu melihat persetujuan berkenaan perkara itu diambil di peringkat antarabangsa yang melibatkan sama negara-negara yang terjejas.

"Ini supaya apa yang dirancang itu turut mengambil kira pandangan daripada negara yang mengalami kesan daripada 'wang panas' yang keluar begitu cepat daripada negara yang menjejaskan ekonomi kita," katanya.

Malaysia khuatir sekiranya perbincangan itu hanya melibatkan negara-negara G7 dan Russia ia akan menyebabkan keputusan-keputusan yang dibuat lebih berpihak kepada pelabur-pelabur yang terlibat dengan wang panas itu kerana kebanyakan daripada mereka datangnya daripada negara-negara berkenaan. -- BERNAMA

SN JR